

13/03/1997

IT teras kejayaan masyarakat maju

BAGI menghadapi era akan datang, kemampuan memajukan industri teknologi maklumat (IT) dianggap ciri terpenting untuk melambangkan maju atau mundurnya sesebuah negara. Maklumat sudah diterima sebagai satu kuasa baru. Dengan adanya maklumat yang lengkap akan mempercepat proses membuat keputusan. Semua ini penting dalam dunia yang penuh persaingan. Sesebuah syarikat lebih pantas bertindak menerusi kemudahan dan maklumat yang mereka perolehi menerusi IT terkini berbanding syarikat lain yang hanya menggunakan cara manual yang dirintangi pelbagai kerena birokrasi. Perkhidmatan kerajaan juga akan lebih berkesan untuk menangani masalah rakyat. Kita bernasib baik kerana kerajaan menyedari kepentingan IT ini dengan melaksanakan projek perintis Koridor Raya Multimedia (MSC).

Ketika memberi taklimat mengenai MSC kepada pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN), ahli Dewan Rakyat, ahli Dewan Negara, Pergerakan Pemuda Umno serta Pergerakan Wanita Umno di Kuala Lumpur, kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa IT akan menjadi asas kehidupan manusia. Jika teknologi mempengaruhi manusia supaya tidak lagi menggunakan kertas dalam semua urusan harian, kita juga perlu mengikut arus kemajuan teknologi itu. Mungkin ketika itu mesin faks sudah tidak sesuai digunakan lagi. Seandainya kita tidak menjejaki teknologi baru, kita sukar berkomunikasi dengan pihak lain disebabkan alat komunikasi yang kita gunakan tidak lagi sesuai dengan alat yang mereka gunakan. Oleh itu kita perlu ikuti dengan rapat setiap perkembangan bagi mengelakkan kita ketinggalan.

Dalam menjayakan MSC, Malaysia beruntung kerana kita bergerak seiring dengan negara maju. Kita mampu berbuat demikian kerana pertumbuhan ekonomi negara yang mantap, membolehkan kita melihat jauh ke depan. Di sesetengah negara miskin, mereka terpaksa terlebih dulu memulihkan ekonomi rakyat dan negara sebelum boleh memikirkan rancangan yang lebih besar. Ada antara negara berkenaan baru memikirkan cara untuk keluar daripada sektor tradisi/pertanian untuk bergiat dalam sektor perindustrian. Kita sudahpun menempuh kejayaan dalam kedua-dua sektor itu di samping sektor perkhidmatan. Kini kita dalam proses sektor memajukan IT secara agresif dengan mewujudkan MSC. Untuk membolehkan sesebuah negara melepasi sektor IT bukanlah mudah. Ini kerana bagi menyediakan prasarana yang lengkap memerlukan perancangan teliti dan modal yang besar. Ia perlu bermula dengan penggunaan sistem komunikasi dan telekomunikasi canggih sebelum IT dapat dikembangkan. Paling penting ialah kesediaan rakyat menerima IT. Jika terlalu memberi perhatian kepada faktor negatif seperti kesan pornografi yang wujud dalam proses memajukan IT, rasanya, ia tidak menampakkan kematangan kita mengharungi arus kemajuan. Menyedari ia hanya sebagai satu elemen yang boleh kita tangkis, juga dengan menggunakan kemahiran teknologi atau ketahanan diri, kita juga perlu melihat banyak kesan positif yang boleh disalurkanannya.

Sebelum ini, kita bimbang mengenai laporan berat sebelah mengenai negara kita dipaparkan oleh media asing. IT adalah salah satu cara kita membalas serangan mereka. Jika kita menggunakan sepenuhnya IT, kita boleh mengubah persepsi dunia terhadap rakyat dan negara kita. Kita perlu memberi sokongan padu kepada kerajaan melaksanakan MSC kerana pada akhirnya, rakyatlah yang akan mendapat faedahnya. Ia akan mempercepatkan segala urusan yang mana pada masa depan kita mungkin hanya berurusan dengan jabatan tertentu dengan menggunakan komputer ketika kita berada di rumah

atau di pejabat tanpa perlu berulang-alik. Kita mungkin tidak perlu ke bank untuk mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan yang disediakan atau tidak perlu ke pustaka untuk membuat rujukan bahan yang disalurkan menerusi komputer IT. Malah, jika kita inginkan maklumat mengenai kajian yang pernah dijalankan oleh institusi atau universiti di luar negara sekalipun, kita boleh memperolehnya dengan sekelip mata. Seandainya kita ingin maklumat penyakit yang kita hidapi, umpamanya, kita juga boleh mengetahui mengenainya tanpa perlu pergi ke hospital untuk bertemu doktor. Sebenarnya, banyak lagi perkara yang dulunya di luar kemampuan kita memikirkannya, boleh dicipta melalui industri ini. Cuma hari ini kita mungkin mempersoalkan bilangan rakyat yang mampu memanfaatkan kemudahan ini. Namun kita yakin perkara ini akan dapat diatasi menerusi faktor ekonomi. Andaian yang sama juga kita dengar ketika rakyat didedahkan dengan televisyen. Hari ini setiap rumah sudah pun mempunyai alat itu.

(END)